



FAKULTAS

JURNAL KOLEJ CEMPAKA KENANGA

BIL 01 DIS - MEI 2000

ISSN : 1511-7472

14 JUL 2000
UNTUK EDARAN DALAMAN

Bahasa Melayu

Aspek Kebudayaan dan Perpaduan Kaum : Relevannya dengan IPTA

A. Aziz Deraman

Maklumat (IT) dalam Pendidikan Sekolah Bestari

Raja Abdullah Yaacob & Saidina Omar Samsuri

Hakcipta Intelektual Era Digital Menurut Islam

Mohd Nor Mamat

Anda dan Pembacaan

Zohra Ibrahim

Kumpulan Pendesak/Seminat

Posiah Mohd Isa

Bahasa Inggeris

The Changing Role of the Secretarial Profession

Halifah Abdul Rahman

An Insight Into the Global Market Penetration by

A Malaysian Construction Firm :

Evaluation of the Construction Industry in International Markets

Noraliza Haji Basrah

KOSMOLOGI KELUARGA PADA MILENIUM SIBER

Motivasi & Pemantapan Akademik

Teknik Peperiksaan

Habibah Lehar

Getting Ready for A Basic Accounting Examination!

Khashi'ah Yusof

Mendengar dan Menggalakkan Manusia Bercakap

Darussalam Abu Bakar

FAKULTAS

JURNAL KOLEJ CEMPAKA KENANGA

“ KOSMOLOGI KETAKUAN PADA MILLENIUM SIBER ”

© Kolej Cempaka Kenanga
Universiti Teknologi Mara Shah Alam

Cetakan Pertama, Mei 2000

Hakcipta adalah terpelihara. Mana-mana artikel atau isi kandungan jurnal ini tidak boleh diterbitkan semula ataupun disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara sekalipun termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebagainya tanpa mendapat izin bertulis daripada pihak penerbit.

Semua artikel adalah tanggungjawab penulis sepenuhnya dan tidak semestinya merupakan pandangan pihak penerbit.

*Susun Atur Teks: Times New Roman
Saiz Huruf: 11 poin
Rekabentuk Kulit: Mohd Nor Mamat*

ISSN: 1511-7472

Diterbitkan oleh:
Kolej Cempaka Kenanga
Universiti Teknologi Mara
40450 Shah Alam, Selangor, MALAYSIA
E-mail : fakultas@hotmail.com

Dicetak oleh:
Univision Press Sdn Bhd (473080-W)
Taman Samudra, Bt Caves,
Selangor, MALAYSIA
Tel: 03-6892679/3386 Fax:03-6871053
E-mail : unvision@tm.net.my

SENARAI PENYUMBANG

1. Tuan Haji A. Aziz Deraman
Ketua Pengarah
Dewan Bahasa dan Pustaka
2. Profesor Madya Dr Raja Abdullah Yaacob
Dekan
Fakulti Pengajian Maklumat UiTM
3. En Saidina Omar Samsuri
Fakulti Pengajian Maklumat UiTM
4. Us. Mohd. Nor Mamat
Pusat Pendidikan Islam UiTM
5. Dr. Žohra Ibrahim
Fakulti Pengajian Maklumat UiTM
6. Dr. Posiah Isa
Fakulti Pentadbiran & Undang-Undang UiTM
7. Cik Halifah Abd. Rahman
Fakulti Pengurusan Teknologi Pejabat UiTM
8. Cik Noraliza Hj. Basrah
Fakulti Sains Perancangan dan Ukur UiTM
9. Pn Habibah Lehar
Fakulti Pengurusan Perniagaan UiTM
10. Pn Khashi'ah Yusof
Fakulti Perakaunan UiTM
11. En. Darussalam Abu Bakar
Ketua Kursus Penyiarian
Fakulti Sebaran Am UiTM

LEMBAGA EDITORIAL

Penaung
 Datuk Prof Ir. Dr Haji
 Ahmad Zaidee Ladin

Penasihat Khas
 Prof Madya
 Dr Yaacob Yusof

Penasihat
 Cik Noraliza Basrah

Koordinator
 Us Mohd Nor Mamat

Ex Officio
 Rafidah Abdul Aziz

Ketua Editor
 Haslina Abu Samad

Pen Ketua Editor
 Haniza Othman

Editor
 Ellyna Yusof
 Liza Imelia M.Sulanah
 Sh Radhiah Said Alwi
 Siti Raudhah Shaari
 Nazathul Shima Azizi
 Azimah Kassim
 Zatul Iffah Abdul Halil
 Tn Noraiham Tn Yasin
 Suriati Abd Shukor
 PurnamaSari Sahmawi
 Istiqamah Subuki
 Hazilah Mat Isa

ISI KANDUNGAN

Aspek Kebudayaan dan Perpaduan Kaum Relevannya dengan IPTA: Satu Analisis <i>Tuan Haji A. Aziz Deraman</i>	1
Maklumat (IT) dalam Pendidikan Sekolah Bestari <i>Profesor Madya Dr Raja Abdullah Yaacob & Saidina Omar Samsuri</i>	25
Hakcipta Intelektual Era Digital Menurut Islam <i>Mohd Nor Mamat</i>	35
Anda dan Pembacaan <i>Dr Zohra Ibrahim</i>	49
Kumpulan Pendesak/Seminat <i>Dr Posiah Mhd Isa</i>	57
The Changing Role of the Secretarial Profession <i>Halifah Abdul Rahman</i>	67
An Insight Into the Global Market Penetration by A Malaysian Construction Firm: Evaluation of the Construction Industry in International Markets <i>Noraliza Basrah</i>	75
Teknik Peperiksaan <i>Habibah Lehar</i>	95
Getting Ready for A Basic Accounting Exam!	101
Mendengar & Menggalakkan Manusia Bercakap <i>Darussalam Abu Bakar</i>	111
<i>Jemputan Penulisan Artikel Jurnal Bil 02 Jun-Dis 2000</i>	119

**ASPEK KEBUDAYAAN DAN PERPADUAN
KAUM RELEVANNYA DENGAN IPTA:
SUATU ANALISIS**

A. Aziz Deraman

Pengenalan

Sempena Persidangan PATA 1986 yang diadakan di Kuala Lumpur, sekumpulan kanak-kanak dalam lingkungan usia 12 tahun ke bawah menjayakan sebuah persembahan drama tari. Mereka yang terdiri daripada kanak-kanak pelbagai kaum dengan wajah riang ria, bergembira, menyanyi bersama-sama, berlakon, bergaul mesra tanpa dibatasi oleh perbezaan keturunan masing-masing, berjaya memikat setiap tetamu dari dalam dan luar negeri. Penonton terpegun. Masing-masing menghayatinya dan jiwa penuh merasa. Suatu program budaya dapat dijayakan bersama. Suatu ketika yang lain, di sebuah pasar raya, banyak kanak-kanak mengambil bahagian dalam pertandingan melukis. Mereka bercampur, menuturkan bahasa yang sama, membandingkan karya dan melukis tentang alam dan persekitaran negara sendiri, Malaysia. Kalaulah demikian anak-anak mereka yang cukup besar adalah mahu memperagakan seindah mungkin persembahan yang beridentiti Malaysia dan sekukuh mungkin menggambarkan kesatuan sikap dan jiwa perpaduan bangsa.

Kebudayaan Dan Perpaduan Kaum

Keperibadian dan perpaduan adalah dua matlamat utama pemupukan kebudayaan, selain membentuk nilai kerohanian dan kemanusiaan. Alangkah malangnya generasi akan datang sekiranya di kalangan kita masih ada pengkhianat yang cuba memusnahkan rasa perpaduan yang sudah mula tertanam itu.

Barangkali agak sukar bagi mereka yang dilahirkan selepas pertengahan tahun 1969 untuk memahami mengapa tercetusnya peristiwa berdarah 13 Mei pada tahun 1969. Peristiwa hitam itu menampakkan rapuhnya perasaan kesatuan dan mudahnya meletus huru-hara disebabkan konflik nilai sosiobudaya dan kepentingan politik kaum. Akibat kemenangan parti pembangkang tertentu dalam pilihan raya, keseronokan bertukar menjadi perayaan kemenangan dan ketegangan yang tidak dapat dikawal. Keangkuhan mula mempengaruhi diri dan kebencian tidak dapat dielakkan lagi. Peristiwa itu banyak memberi pengajaran kepada kita. Kita selama ini rupa-rupanya gagal menyatupadukan rakyat. Perpaduan mungkin berada di kulit yang nipis secara luaran dalam lingkungan politik, tetapi tidak berakar umbi. Peristiwa itu juga mengajak kerajaan berfikir semula dan mengatur langkah baru untuk mengukuhkan perpaduan. Era 1970-an melahirkan banyak dasar baru negara dalam segenap lapangan. Dasar yang sedia ada ditegaskan pelaksanaannya. Era yang sama menuntut kerajaan dan rakyat supaya tidak memandang ringan tentang masalah perkauman. Apa-apa sahaja dasar yang dicipta meletakkan perpaduan sebagai matlamat utama. Dasar Ekonomi Baru, Dasar Kebudayaan Kebangsaan, Dasar Pendidikan Kebangsaan, dan penggubahan Rukun Negara sebagai falsafah ideologi bangsa adalah sebagai penggerak perpaduan bangsa. Semangat Perlembagaan mulai diterjemah dalam program baru kerajaan. Masalah perpaduan tidak lagi dilihat dari sudut ekonomi semata-mata, kerana ekonomi tidak mampu menjawab semua persoalan yang serumit itu. Kesedaran wujud tentang perlunya pemupukan sebuah kebudayaan yang boleh dikongsi bersama, yang jauh mengatasi batas kebudayaan kaum atau suku.

Malaysia, sebagai sebuah negara, mesti lahir sebagai sebuah negara-bangsa, yakni “satu bangsa dalam sebuah negara”. Kenyataan bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang

didiambi oleh pelbagai kaum dan keturunan, mewarisi berbagai-bagai ragam warisan budaya dan kepercayaan adalah benar. Kenyataan bahawa kita adalah hak kepunyaan negara juga benar. Maka imej yang mahu ditegakkan di kalangan dunia antarabangsa ialah imej negara kita. Negara kita tentunya berbeza daripada negara lain. Tugas kita terhadap negara sebagai warganya yang setia akan berpegang pada “di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung”. Malaysia adalah tanah air tumpah darah kita bersama, meskipun kita mempunyai pendapat yang berbeza kerana berbezanya lingkungan keturunan kita. Malaysia adalah negara orang Melayu. Malaysia adalah negara bumiputera yang lain juga yang daripada keturunan Iban, Kadazan, Dusun, Bidayuh, Bajau, Melanau, Murut, dan suku bangsa serumpun lain yang mempunyai asas kebudayaan yang sama. Malaysia adalah negara warganya yang berketurunan Cina dan India. Hal ini bermakna walau bagaimana buruk sekalipun negara ini, rakyat mesti cinta akan Malaysia. Inilah sikap dan inilah juga proses pemupukan budaya yang pertama. Kata pepatah Melayu, “hujan emas di negeri orang, hujan keris lembing di negeri sendiri, lebih baik negeri sendiri”.

Kalau Malaysia iklimnya tropika, negara lain memiliki alam sekeliling yang lain pula. Negara yang berpadang pasir melahirkan kebudayaan yang berbeza. Di padang pasir, manusianya sanggup berpanas; di kutub utara, manusianya sanggup bersalji bahkan mereka sanggup mempertahankan negara masing-masing apabila diceroboh atau diserang oleh musuh dari luar. Kesayangan itulah melahirkan semangat kebangsaan, melahirkan ikatan kepada bangsa dan negara. Kesayangan itu juga yang menyediakan tapak yang kukuh untuk diwarisi oleh setiap generasi dengan nasionalisme atau nasionalisme kebudayaan yang tidak berbelah bahagi. Di Malaysia, tapak itu sudah tersedia dalam semua dasar negara. Tugas kita adalah membina di atas tapak itu suatu kekuatan

kebudayaan yang membentuk rakyat daripada pelbagai kaum ke dalam satu ikatan yang padu. Usaha membina sebuah negara dan sebuah bangsa yang bersatu bukanlah perkara mudah.

Istilah “perpaduan” harus dilihat daripada makna rohaniah dan jasmaniah. Isi rohaniah adalah nilai budaya yang datangnya daripada nilai positif sesuatu kaum atau berasaskan nilai agama. Isi jasmaniah lebih berupa bentuk penjelmaan secara fizikal atau sektorial, seperti perbezaan desa dan kota atau wilayah geografinya. Bagi maksud kita, perpaduan mungkin lebih mirip kesatuan (*oneness*), yakni suatu keadaan yang memungkinkan rasa kesatuan atau disatukan oleh rasa setiakawan, harmoni. Kesamaan sentimen yang berterusan diikat oleh kesamaan cara bertindak pada setiap masa. Apa-apa sahaja istilah yang disamakan dengan perpaduan, seperti *unity*, *solidarity*, atau *integration*, rasa perpaduan itu haruslah berupaya mencantumkan budaya fikir individu sebagai kelompok yang mempunyai matlamat, pendapat, kepentingan dan nilai yang sama bagi kesejahteraan semua. Lalu prosesnya boleh menimbulkan perasaan kebersamaan yang menyeluruh dalam organisasi, peranan dan fungsi tanpa mengutamakan kepentingan yang boleh membawa kepada perpecahan. Rasa perpaduan yang begitu mendalam tertanam dalam perasaan dan fikiran hingga melahirkan sikap kesatuan, misalnya perasaan pada sebuah negara dan satu bangsa, walaupun berasaskan latar belakang masyarakat dan suku bangsa yang tidak sama.

Perpaduan kebangsaan adalah perpaduan bangsa Malaysia, merujuk kepada jiwa kita, antaranya dengan rasa “*the state or condition of being one; oneness; singleness; being united; concord; agreement; harmony; oneness of sentiment; affection*” dan sebagainya. Kita harus memberi makna kepada perpaduan berasaskan unsur kita, menyatukan minda dan

perasaan. Perpaduan di Malaysia tidak lagi boleh dilihat dari sudut masyarakat majmuk kerana istilah ini sudah tidak sesuai lagi. Masyarakat Malaysia bukan terasing antara satu sama lain, menjalankan kegiatan dalam lingkungan kaum sendiri, dan terpisah. Kita kini berada dalam gelanggang kehidupan yang sama, dididik di bawah satu bumbung sistem pendidikan, bekerja di kompleks yang sama, bergiat dalam lapangan ekonomi yang sama, dan mempunyai interaksi sosial dengan menggunakan bahasa pengantar yang sama. Ciri ini menunjukkan bahawa unsur perpaduan menerusi kebudayaan sudah ada, sedang dipupuk dan terus berkembang. Pendapat yang mengatakan bahawa “untuk mencapai perpaduan kebangsaan, yang penting sekali adalah mengakui ciri asas masyarakat kita, iaitu masyarakat majmuk” sudah tidak benar lagi.

Dalam perspektif kebudayaan, kalau kita semua bersetuju, kebudayaan ditakrif sebagai himpunan kekayaan jasmania dan kekayaan rohaniah yang dicipta oleh manusia sebagai cara hidup. Perspektif itu hendaklah diperluas kepada negara-bangsa, yakni bangsa Malaysia. Perspektif itu tidak patut diikat kepada kaum kita sendiri, lalu menganggap bahawa “pelaksanaan dasar kebangsaan sekarang tentang bahasa, pelajaran, dan kebudayaan terlalu berbau perkauman dan cenderung ke arah asimilasi paksaan. Dasar berkenaan digubal hanya daripada perspektif dan pendirian satu kaum”. Pendapat sebeginilah biasanya yang menghambat cita-cita perpaduan. Perpaduan tidak mungkin dibangunkan dengan mengadakan program yang selari (*parallel*). Tanggapan cetek terhadap wawasan masa depan bangsa, menafikan fakta sejarah, dan menolak keperluan asas perpaduan bangsa berdasarkan persamaan nilai tentunya merugikan. Sifat pelbagai kaum dan pelbagai budaya sepatutnya menjadi aset dan sumber ke arah menyumbang kepada pembinaan kebudayaan induk atau kebudayaan kebangsaan.

Kita seharusnya sekarang berada di luar garis budaya kaum atau kesukuan dengan melihat kebudayaan dalam pengertian yang luas sebagai “merupakan pakaian batin yang dilahirkan melalui proses penghayatan, berkesan dan mendalam, hasil perlakuan sesama manusia dalam pelbagai bentuk perhubungan, pernyataan fikiran, nilai yang diyakini dan diamalkan dari semasa ke semasa sehingga berupa dan mewadahkan kesejahteraan hidup bermasyarakat yang bersatu padu dan kukuh”. Dalam hal yang demikian kegagalan kita selama ini bukan kegagalan kerana kita tidak adanya perpaduan, tetapi kegagalan kerana cuai memahami tafsiran, gagal menterjemah skop dasar induk program, dan tiada keyakinan dalam pemupukan usaha untuk mewujudkan bangsa Malaysia dan tradisi baru Malaysia.

Sekurang-kurangnya ada empat dasar pemikiran tentang perpaduan daripada aspek kebudayaan, iaitu:

- (i) Konsep dan semangat Perlembagaan Negara
- (ii) Pembangunan bangsa lawan masyarakat atau kaum
- (iii) Kesedaran terhadap perspektif kebudayaan
- (iv) Penggalakan dan pengembangan program sosiobudaya

Konsep dan Semangat Perlembagaan Negara

Perlembagaan adalah undang-undang utama Persekutuan, iaitu undang-undang utama negara. Perlembagaan boleh juga dianggap sebagai dokumen induk yang mengarah kepada pembangunan negara dan pembinaan bangsa. Konsep, semangat, dan aspirasi yang terkandung di dalamnya memerlukan penterjemah ke dalam program, dasar, dan aktiviti negara. Keluhurannya melahirkan perundangan dan

dasar pengurusan negara, bukan sekadar penentu arah, tetapi juga sebagai acuan yang melahirkan wadah politik, ekonomi, sosial, dan kebudayan. Nilai imperatif yang dikanunkan di dalamnya akhirnya kalau dihayati dan diamalkan akan melahirkan sebuah kebudayaan kebangsaan Malaysia. Kita cuma perlu membezakan hak kita sebagai hak rakyat atau hak kaum, atau hak itu sebagai hak negara. Perkara seperti agama bagi Persekutuan (Per.3), institusi Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-Raja (Bab 1, Bab 2, Bab 3, Bab 4), Bahasa Kebangsaan (Per. 152), hak istimewa orang Melayu dan bumiputera (Per. 153), dan peruntukan utama sistem pemerintahan berparlimen yang lain adalah antara contoh hak negara. Sistem demokrasi berparlimen adalah rupa bentuk budaya politik perwatakan Malaysia zaman ini, manakala raja berperlembagaan yang unik adalah warisan sejarah budaya yang diamalkan zaman-berzaman. Institusi Yang di-Pertuan Agong kekal kesinambungannya daripada tradisi beraja sebagai tradisi unggul yang melambangkan kegagahan dan kedaulatan negara. Segala adat istiadat dan upacara yang berhubung dengannya bererti pemupukan budaya yang berterusan sebagai satu-satunya lambang utama kebudayaan kebangsaan. Jawatan itu adalah jawatan tertinggi bertaraf Ketua Negara, dipilih antara raja Melayu, dan bukan di kalangan sesiapa sahaja.

Usaha kerajaan menerapkan nilai Islam, bukanlah bertujuan mengajar Islam dan menukar penganut agama lain kepada Islam. Nilai sejagat, yang murni lagi positif, akhirnya menjadi nilai baru budaya kita. Nilai itu sesuai dan dituntut bagi kesempurnaan kemanusiaan. Hak negara dari segi membangunkan institusi Islam atau membantu pengajarannya menjadi tanggungjawab rasmi. Kedudukan Islam sebagai agama negara, tidaklah sampai menafikan kebebasan beragama di kalangan rakyat. Cuma tanggungjawab kerajaan terhadap Islam tidak sama dengan tanggungjawab kerajaan

terhadap agama lain yang statusnya berada di tangan pengikut masing-masing. Sebagai agama negara, seperti yang diperuntukkan oleh Perlembagaan, kerajaan berkuasa membuat perundungan bagi pentadbiran agama Islam bahkan “sah bagi Persekutuan atau sesuatu negeri menubuhkan atau menyelanggara institusi Islam atau mengadakan atau membantu dalam mengadakan ajaran agama Islam dan melakukan apa-apa perbelanjaan seperti yang diperlukan bagi maksud itu”.

Situasinya juga sama bagi bahasa Melayu yang diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan atau bahasa rasmi negara. Usaha kerajaan untuk memajukan dan mengembangkan bahasa Melayu di kalangan rakyat, selain bertujuan untuk mencapai hasrat perpaduan, adalah juga alat penyampaian ilmu dan pengucapan kebudayaan kita. Kita tidak boleh menganggap usaha pembinaannya sebagai usaha untuk memajukan orang Melayu atau memberi keuntungan kepada masyarakat Melayu. Sikap ini yang perlu dikikis lebih dahulu. Bahasa adalah bidang kebudayaan yang utama dan alat mengenali keperibadian bangsa kita. Negara tidak pun melarang kita menggunakan bahasa kaum sendiri atau dialek kelompok kita yang lain daripada maksud rasmi. Pendeknya mana-mana perkara penting dalam Perlembagaan Negara, sesungguhnya sudah mempertimbangkan wawasan masa depan, implikasi dan hasrat perpaduan rakyat. Kesedaran dan keinsafan bersama kelihatan kian perlu.

Pada suatu masa banyak persoalan ditimbulkan tentang dasar utama negara. Dasar ini bermatlamat perpaduan negara. Tidak pasti sama ada persoalan itu timbul kerana tiada kefahaman atau tiada penjelasan kepada semua peringkat lapisan rakyat. Kadangkala hal ini disengajakan sebab isu tersebut cukup senang dijadikan modal politik. Jika tidak, tidaklah diterima dan dikemukakan kepada kerajaan satu resolusi yang berbunyi

“Kongres ini menyeru kerajaan Barisan Nasional supaya memberi perhatian penuh terhadap ketidakpuasan yang meluas, terutama di kalangan masyarakat bukan Melayu, yang timbul akibat pelaksanaan dasar bahasa, pelajaran, dan kebudayaan kebangsaan yang berfahaman Melayu-sentrik serta kebangsaan dan ketenteraman sosial. Kerajaan haruslah berusaha untuk menyekat polarisasi ras yang semakin buruk, untuk menjamin keharmonian dan perpaduan rakyat pelbagai kaum demi kepentingan pembangunan negara”. Faktor ini menunjukkan seolah-olah kerajaan tidak bersifat liberal, progresif, demokrasi dan mereka terus memperjuangkan dasar “pelbagai”. Padahal negara kita hanya satu, bukan pelbagai negara, bahkan semangat Perlembagaan sekiranya dilaksanakan dengan sempurna akan lebih mempercepat tercapainya perpaduan negara dan lebih mudah tercipta bangsa Malaysia.

Pembangunan Bangsa Lawan Masyarakat atau Kaum

Ada kecenderungan menunjukkan perbezaan Iltizam kita terhadap “bangsa” dengan Iltizam terhadap “kaum” atau “masyarakat”. Kita selama ini terbawa-bawa oleh kecenderungan atau kedegilan terhadap kaum sendiri. Kita jauh lebih berwaspada, jauh lebih menjaga kepentingan kaum atau masyarakat sendiri daripada perjuangan bangsa yang sebenar. Psikologi sempit fahaman ini mengongkong kita sehingga kalau disebut bahasa Melayu, maka secepat itu kita merujuknya kepada bahasa kaum Melayu, tidak sebagai bahasa bangsa Malaysia. Dari situ lahirlah desakan, mengapa tidak bahasa kaum aku? Mengapa tidak bahasa Cina atau bahasa Tamil dijadikan bahasa rasmi bersama-sama dengan bahasa Melayu? Ini adalah sikap pelupa. Kita lupa bahawa bahasa Melayu adalah bahasa kita bersama. Bahasa itu telah berkembang, kita terima sebagai bahasa negara. Satu bahasa

yang melambangkan kenegaraan, kebangsaan, dan kemerdekaan kita seperti juga negara lain yang memiliki bahasa negara sendiri. Rupa-rupanya, sindrom budaya kaum ini yang menghambat kita daripada bersatu padu sejak dahulu.

Kita sering sahaja menyamakan kaum, masyarakat dengan bangsa. Walhal bagi negara-bangsa, kedua-duanya harus sudah mampu dibezakan. Masyarakat Malaysia bukan sama dengan bangsa Malaysia. Malaysia mempunyai pelbagai masyarakat atau kaum dan puluhan suku bangsa serumpun, tetapi daripada perspektif negara dan kebangsaan, kita adalah milik satu negara dan satu bangsa.

Perkataan masyarakat mungkin terlalu sempit untuk dimengertikan sebagai bangsa, kerana dalam fahaman kita masyarakat Malaysia tidak mungkin disamakan dengan bangsa Malaysia. Malaysia mempunyai pelbagai masyarakat atau kaum, sedangkan mereka harus dirujuk sebagai satu bangsa. Bangsa bukan suku atau kaum, tetapi harus dilihat daripada perspektif negara, kewarganegaraan atau kebangsaan, yakni ciri yang mengisi dan menentukan kehidupan sebuah negara kebangsaan yang menekankan jiwa bangsa atau rupa bentuk identiti sesebuah bangsa dan negara.

Dalam keperluan membangunkan negara, kebudayaan mempunyai dua tugas utama. Pertama, membina imej negara sebagai pernyataan wujudnya keperibadiannya atau identitinya berbanding dengan mana-mana negara lain di dunia. Kedua, tugas memupukkan kesedaran kebangsaan atau kenegaraan yang mendalam yang lazimnya tercerna ciri kerohanian dan kemanusiaan, iaitu aspek spiritual dan mental daripada kebudayaan itu sendiri.

Ada orang tidak dapat membezakan antara “kebangsaan” dengan “perkauman” atau “kesukuan”. Kebangsaan

seharusnya merujuk kepada jiwa bangsa, yakni bangsa Malaysia. Apabila kebangsaan disempitkan kepada istilah kaum atau masyarakat, maka terjadilah rujukan kepada bangsa Cina (sepautnya benar bagi rakyat di negara China), bangsa India (benar bagi rakyat di negara India), bangsa Iban, atau bangsa Kadazan Dusun. Kenyataan bahawa nasionalisme Malaysia berasaskan perkembangan nasionalisme Melayu adalah benar kerana fakta sejarahnya, tetapi nasionalisme itu tidak lagi digunakan dalam konteksnya yang sempit atau semangat masyarakat Melayu. Ada orang menolak faham kebangsaan kerana keliru tentang faham kebangsaan yang dirujuk kepada sesuatu kaum sahaja. Bangsa merujuk kepada nasionalisme, bukan ras atau kaum yang merujuk kepada rasialisme. Jadi ciri kebangsaan adalah ciri persamaan yang mengikat kita kepada ikatan perpaduan. Pengikatnya ialah nilai budaya yang sama dan nilai itu datangnya daripada sumbangan pelbagai keturunan kaum dan suku bangsa. Apa-apa nilai yang berbeza tetap menjadi amalan masing-masing kaum atau masyarakat dan yang mana sesuai berkembang menjadi nilai yang boleh dikongsi bersama. Nilai kebangsaan banyak dilahirkan oleh dasar kebangsaan yang sedia ada.

Sejak kemerdekaan pada tahun 1957, wadah politik kita boleh dianggap sebagai wadah politik perpaduan. Perlembagaan baru yang dibentuk tahun 1955 diterima oleh Majlis Perundungan dan kemerdekaan diisyiharkan setelah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu ditandatangani. Tanggungjawab kerajaan dipindahkan kepada wakil pilihan rakyat. Kerajaan Perikatan (UMNO, MCA dan MIC) yang memenangi pilihan raya tahun 1955 memajukan kehendak menuntut kemerdekaan. Perlembagaan yang sama dipinda dengan terbentuknya Malaysia pada tahun 1963. Prinsip berkongsi kuasa menjadi nilai budaya tertinggi dalam mengatur pemerintahan dan politik tanah air, kekal hingga sekarang dalam konsep kerajaan Barisan Nasional. Nilai harus

menjadi panduan bagi mana-mana pihak politik sekalipun sekiranya mahu membentuk kerajaan. Prinsip asas Perlembagaan tetap kekal. Kerajaan mempunyai tanggungjawab yang besar untuk menjamin perpaduan rakyat. Latar belakang kita yang pelbagai harus dikurangi kepelbagaiannya dan kita tidak boleh berlengah lagi bagi mewujudkan satu bangsa Malaysia yang bersatu padu.

Apabila prinsip asas Perlembagaan tidak dihayati dan cita-cita membangunkan bangsa diperkecil oleh cita-cita perkauman, timbulah banyak anggapan. Antaranya seperti yang disebutkan tadi, kononnya polarisasi ras menjadi fenomena yang serius kerana ketidakpuasan masyarakat bukan bumiputra terhadap dasar kebangsaan. Kerajaan didesak mengkajinya semula. Keadaan ini terjadi kerana kita gagal memahami aspirasi negara dalam membangunkan bangsa melalui dasar kebangsaan tentang bangsa, pendidikan dan kebudayaan. Kerajaan didesak mengkaji semula dasar tersebut secara menyeluruh dan masa yang sama mendesak agar dasar pelbagai bahasa, kebudayaan, dan sistem pendidikan diberi pengiktirafan dengan usaha memajukannya diberi tempat yang sama.

Semuanya berlaku kerana ketidakfahaman kita sendiri. Sekiranya kita tidak jahil dan tahu membezakan antara hak negara atau hak kebangsaan dengan hak masyarakat atau hak kaum, maka kita akan bersetuju. Kita bersetuju dengan apa-apa yang telah dipersetujui oleh peluang atau apa-apa yang telah disepakati oleh bapa kita sewaktu mencapai kemerdekaan. Kita harus bergerak menuju ke satu matlamat yang sama melalui jalan yang sama. Kita antara satu sama lain mungkin berbeza, tetapi perbezaan itu boleh kita amalkan pada peringkat kita tanpa meletakkan segala-galanya di landasan yang sama dengan matlamat negara, khususnya perpaduan negara. Kita harus memahami semangat bahawa

kita telah bersetuju, perpaduan dan keutuhan akan kita bina dan pupuk melalui satu bahasa, iaitu bahasa kebangsaan, satu kebudayaan, iaitu kebudayaan kebangsaan. Maka bahasa kebangsaan diasaskan pada bahasa Melayu, dan kebudayaan kebangsaan ialah kebudayaan yang berteraskan kebudayaan rakyat asal peribumi Malaysia. Kebebasan untuk mengamalkan kebudayaan masing-masing sebagai kebudayaan kesukuan, dalam rangka dan batas tertentu, terjamin dalam Perlembagaan negara kita.

Kesedaran terhadap Perspektif Kebudayaan

Kebudayaan bukan sekadar untuk mementaskan sebuah drama, bukan juga untuk berjoget atau berzapin, menunjukkan tarian singa, atau mengarak sebuah kavadi pada hari Thaipusam, sumazau di pesta menuai, atau ngajat dalam Pesta Gawai. Kalau kita mengatakan perpaduan rakyat Malaysia dapat diperkuuh melalui pemupukan kebudayaan, tafsirannya jauh lebih luas. Kita tidak hanya berjuang untuk menegakkan kebudayaan sendiri, soal permit untuk mengadakan konsert muzik atau pertunjukan drama, tetapi bersama-sama memikirkan apakah nilai budaya yang sihat, apakah kesenian yang boleh melibatkan penyertaan dan penghayatan bersama, atau sekurang-kurangnya menonjolkan simbol kebangsaan semua. Misalnya peranan membangunkan fikiran atau idea sebagai salah satu bidang kebudayaan menuntut kita sama-sama meningkatkan pencapaian tahap ilmu yang tinggi, menggerakkan budaya membaca, budaya ilmu, mengembangkan kesusteraan bangsa, meningkatkan kemajuan bahasa atau bidang falsafah dan pemikiran yang lain. Kegiatan bahasa dan sastera harus dipupuk sebagai satu-satunya kegiatan yang melampaui batas kegiatan bahasa dan sastera kesukuan. Kegiatan seni kreatif, kegiatan penulisan, kreativiti sastera dalam bidang puisi dan novel atau

sebagainya amat perlu digiatkan. Kita tidak boleh lagi mengasingkan diri daripada kemajuan kesusasteraan bangsa atau persuratan. Malahan penglibatan menyeluruh di kalangan sesiapa sahaja baik Melayu atau bukan Melayu perlu digalakkan bagi menghasilkan karya besar negara.

Kesusasteraan kebangsaan kita harus dilahirkan oleh sesiapa sahaja berlatar kehidupan kebangsaan atau kehidupan rakyat kita. Sumber ilham cukup banyak dan terbuka untuk diolah. Jika mungkin biar negara kita melahirkan sasterawan dan tokoh kebudayaan yang selama-lamanya memperjuangkan cita-cita kebangsaan. Tokoh bangsa yang sedang meningkat di kalangan generasi yang lebih muda perlu diberi peluang membuat sumbangan. Oleh sebab itu kebudayaan, boleh dilihat sebagai jentera yang amat penting bagi melahirkan identiti bangsa. Seorang Jepun umpamanya tetap mendukung bahasanya dan keseniannya bagi menunjukkan kebangsaan Jepunnya. Kita juga perlu memiliki sikap yang sedemikian. Identiti kita menunjukkan bangsa kita.

Sikap kebudayaan biasanya ditunjukkan oleh semangat yang kita bawa. Kalau kita masih kekal dengan semangat kebangsaan yang akhirnya menujukkan kenegaraan asing, cita-cita perpaduan akan menjadi jauh panggang dari api. Perpaduan akan kekal hanya sebagai mimpi yang tidak akan menjelma. Mungkin kita memerlukan pengorbanan semua pihak untuk mengendurkan tuntutan perkauman dalam usaha untuk menegakkan yang kebangsaan. Tuntutan bagi menjadikan bahasa Mandarin atau bahasa Arab sebagai bahasa pilihan di sekolah adalah lebih wajar daripada menuntut dijadikannya bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan. Demikian juga tuntutan lain dalam bidang peruntukan Perlembagaan haruslah direnung kesesuaianya pada peringkat amalan kaum. Kita harus berpegang bahawa Bahasa Jiwa Bangsa bukan lagi bahasa Melayu bagi masyarakat

Melayu, tetapi bahasa kebangsaan bagi bangsa Malaysia. Bahasa adalah faktor kebudayaan yang penting, kerana bahasa akan menunjukkan bangsa kita dan orang mengenali kebudayaan kita. Kalau perasaan kaum diperkecil, maka yang akan kita besarkan nanti ialah bangsa Malaysia. Bahasa Melayu sebagai bahasa negara yang dituturkan oleh hampir 250 juta orang umat manusia itu lambat-laun boleh dimajukan sebagai salah satu bahasa baru antarabangsa.

Aspek kesenian, misalnya, harus juga dilihat dari sudut kebangsaan dan kenegaraan. Kesenian meliputi seni tampak, seperti seni lukis, seni ukir, seni bina, seni kraf, atau seni lakon meliputi seni tari, seni muzik, seni drama, dan sebagainya. Kesenian pula terbahagi kepada bentuk tradisional atau sezaman. Bagi Malaysia, bentuk tradisional ada yang berupa etnik seperti mak yong, wayang kulit, ngajat, gamelan atau kesenian rakyat yang mencirikan penyertaan dan penglibatan rakyat, seperti permainan tradisional wau, gasing, dan sebagainya. Kesenian tradisional jelas memperlihatkan warisan kebudayaan rakyat asal serantau atau bumiputera Malaysia yang menunjukkan identiti kita. Walau bagaimanapun, kesenian sezaman dalam bidang bahasa dan sastera, seni lukis, seni pentas, dan bermacam-macam lagi itu memerlukan penglibatan secara sedar untuk memupuk identiti dan pemupukan perpaduan bangsa. Kita boleh sahaja menghasilkan karya yang asing sifatnya di Malaysia, kita boleh menerbitkan sebuah drama yang berlatar karya Barat tetapi tidak memperlihatkan kebudayaan kita. Hal ini tidak bermakna kita tidak dibenarkan berbuat demikian kerana kebolehan dan keupayaan kita mencipta. Tinggal lagi, ada usaha yang boleh kita teruskan bagi memaparkan karya sendiri. Kegiatan kesenian sezaman ternyata mampu menarik penglibatan dan penyertaan rakyat pelbagai kaum di negara kita. Pengembangan kegiatan dalam bidang seni lukis, seni foto, sastera kreatif, teater, muzik, dan sebagainya patut

digerakkan dan diteruskan. Warga kota sentiasa terdedah kepada unsur kesenian baru yang tersalur melalui media massa; jadi kita masih perlu mengetengahkan unsur terbaik bagi perpaduan, penyertaan menyeluruh, dan keperibadian bangsa yang perlu sentiasa dipelihara.

Kita tidak perlu bimbang dengan perubahan kerana kebudayaan akan berubah mengikut kemajuan pemikiran bangsa. Pengaruh kehidupan dan aspirasi kita juga ikut berubah. Kebudayaan dinamik. Nilai baru akan kita terima juga. Nilai positif dan nilai yang sihat daripada pelbagai kaum atau unsur yang sesuai boleh sahaja diterima dan disenaraikan dalam budaya kita. Dalam konteks pemupukan nilai budaya, pendekatannya haruslah pada kesatuan bangsa Malaysia. Nilai budaya sesuatu masyarakat mungkin hanya sesuai bagi masyarakat itu sendiri, kecuali nilai umum yang boleh dimajukan dan dikongsi bersama. Nilai seperti kecintaan pada negara, hormat, berbudi bahasa, tanggungjawab keluarga, bersih, cekap, amanah, berdikari, bekerjasama, muafakat, ramah mesra, dan nilai positif yang boleh membangunkan jiwa bangsa hendaklah dipupuk bersama. Sebaliknya, rakyat bersama-sama bertanggungjawab mengetepikan nilai negatif yang boleh meruntuhkan tradisi bangsa. Kebudayaan akan menjadi mekanisme kelahiran bangsa dan perpaduan negara. Realiti pemupukannya banyak bergantung pada kebijaksanaannya bersama-sama mengatur strategi dalam realiti subbudaya, pengaruh kota-desa, dan strata sosial yang ada. Penyertaan secara sedar di semua peringkat tanpa mengira kaum, agama, peringkat umur, lokasi, dan latar belakang budaya kelompok amatlah perlu. Nilai yang baik yang sedia ada terus dipupuk, mengambil nilai terbaik daripada pelbagai masyarakat kita, dan memupuk nilai positif baru yang dapat diguna bagi memajukan kehidupan rakyat.

Bagi negara besar di Eropah atau di Asia, pembangunan fizikalnya kerap juga memperhitungkan pembangunan imej kebudayaan. Imej itu membawa kesedaran identiti dan ikatan jiwa kebangsaan negara sendiri. Hal yang sama berlaku dalam sejarah tamadun manusia sejak zaman-berzaman. Umpamanya, kita sentiasa melihat Mesir daripada peninggalan warisan sejarahnya dan budaya silamnya, tersergam piramid dan sfinks; kesan peninggalan Coliseum di kota Rom; ratusan masjid besar di Istanbul; Taj Mahal, atau Kota Merah di India; Tembok Besar Negeri China; Angkor Watt di Kemboja; atau Borubudur di Indonesia. Demikian juga apabila kita mengambil kira aspek seni bina dalam membangunkan gedung perniagaan, istana, atau masjid. Pada masa akan datang, misalnya Masjid Sultan Abdul Aziz, di Shah Alam, akan menjadi kebanggaan dan warisan budaya yang penting. Keadaannya seperti jua apabila kita memulihkan dan memelihara Bangunan Sultan Abdul Samad Kuala Lumpur, Istana Balai Besar Alor Star dan Kota Bharu dan banyak lagi peninggalan yang akan menjadi sumber ilham dan perbandingan karya budaya antara generasi dan ruang perkembangan masa.

Penggalakan dan Pengembangan Program Sosiobudaya

Aktiviti program sosiobudaya boleh direncanakan oleh semua pihak. Terlalu banyak program yang boleh diatur dan tidak semestinya berasaskan aktiviti yang sama, kerana jenisnya tertakluk pada kumpulan sasar dan latar belakang mereka. Program itu juga secara bijak perlu mengambil kira penglibatan masyarakat pelbagai keturunan sekiranya matlamatnya ke arah memupuk perpaduan. Bidang yang berikut adalah antara program yang boleh dilakukan oleh institusi, organisasi, kelompok atau gerakan masyarakat:

- (a) Kegiatan bahasa/sastera/persuratan (galakan penulisan kreatif, bengkel bahasa/sastera, syarahan, bahas, dialog, deklamasi puisi, forum, peraduan menulis).
- (b) Seni halus/seni tampak (meliputi kraftangan, kelas latihan kemahiran berasaskan bahan rimba/logam/tanah, kursus/pameran/ latihan dalam bidang seni foto, seni lukis, seni khat, seni gubahan/hiasan).
- (c) Permainan tradisi (terlalu banyak bahan kesenian tradisional yang boleh digalakkan, seperti pertandingan wau, gasing, permainan rakyat yang lain).
- (d) Seni lakon (penubuhan kumpulan, latihan, kursus, apresiasi dalam bidang seni suara, muzik, teater, drama, dan kerja kreatif seni sezaman yang lain).
- (e) Seni mempertahankan diri (silat).
- (f) Kegiatan kebudayaan/kesenian kanak-kanak (latihan seni lakon, seni muzik, seni tari, latihan bercerita/deklamasi puisi, permainan tradisi, lawatan budaya ke tempat sejarah, dan pusat kebudayaan yang menarik minat).
- (g) Bengkel pembuatan peralatan kesenian tradisi (digalakkan industri pembuatan yang memberi nilai ekonomi kepada alat muzik tradisi, ukiran, pertukangan, alat permainan).
- (h) Kegiatan keilmuan dan pemikiran (syarahan, ceramah, forum, diskusi tentang lapangan ilmu pengetahuan dan subjek baru).
- (i) Pameran (pameran seni lukis, kraftangan, pameran pakaian dan perhiasan).
- (j) Pasar seni (menggalakkan penyertaan seniman dan karyawan berhimpun dan mengadakan jualan karya seni seminggu/sebulan sekali dengan konsep industri budaya).

- (k) Persembahan/pertunjukan kesenian (tradisi atau kesenian sezaman, mendorong penggunaan ruang/tempat seperti dewan orang ramai atau pertunjukan bergerak antara institusi atau daerah).
- (l) Galakan lawatan/kembara/pelancongan budaya (melawat sambil belajar di dalam negeri sendiri, melawat keindahan alam sekitar, mengembara mengenali flora dan fauna tanah air, lawatan pendidikan antara wilayah yang berbeza dan program pertukaran program kesenian).

Usaha ke arah pemupukan dan pengembangan antaranya boleh dilakukan melalui latihan dan galakan, memperbanyak bahan kebudayaan dan bereksperimen dengan unsur kesenian. Negara kita memang mempunyai warisan kebudayaan yang cukup kaya tersebar di wilayah budayanya sendiri. Ciri kebudayaan di Sabah dan Sarawak misalnya berbeza daripada ciri kebudayaan di wilayah utara atau timur atau selatan. Warisan kesenian tradisional jelas mewakili imej kebangsaan kita sebagai sumbangan suku bangsa yang mewarisinya, sama ada bersifat etnik atau rakyat. Kesenian bersifat teras biasanya memerlukan kemahiran atau keahlian yang dibina dalam jangka waktu yang agak lama. Usaha kajian dan penyelidikan perlu dipertingkatkan kerana maklumat atau penerbitan yang dipaparkan dengan baik, tersusun dan menarik boleh menyemaikan kesedaran di kalangan rakyat terhadap sejarah, bahasa, sastera, warisan budaya, dan bidang ilmu yang lain. Rujukan pula boleh dibuat bagi meningkatkan karya dalam bidang kebudayaan yang luas itu. Eksperimentasi diperlukan bagi membolehkan pencapaian mutu kesenian yang tinggi, misalnya pembaharuan ciri kesenian tradisional, mengidentifikasi unsur asing dan menyesuaikannya dengan nilai kebangsaan terutama tanpa menghilangkan identiti atau menukar pandangan ke luar. Dari sudut kebudayaan, aktiviti jaringan diwujudkan yang berdasarkan

kepentingan yang sama dan dengan itu prasangka dapat dihilangkan.

Pandangan dan Saranan

Malaysia memerlukan perpaduan bangsa dan negara yang lebih kukuh dan mantap pada dekad akan datang, terutama dalam menghadapi cabaran abad ke-21. Kemerdekaan selama ini tidak akan bererti kalau negara yang dibina puluhan tahun itu porak-peranda dan tidak mampu bertahan kerana keretakan ikatan sesama sendiri. Perpaduan hendaklah selama-lamanya diletakkan sebagai matlamat utama negara dan seluruh program pembangunan negara mestilah berteraskan pembinaan sebuah bangsa Malaysia dalam bidang kesejahteraan ekonomi yang didukungi oleh kestabilan politik. Aspek pembangunan kebudayaan dan keadilan sosial akan menekankan pembentukan jiwa rohani dan kebajikan bersama. Kita perlu:

- (a) Memperkuuh terus perpaduan kaum di negara kita dengan mewujudkan persamaan nilai budaya dalam rangka dan ketentuan kebangsaan. Gerakan memupuk perpaduan harus diperhebat dan perlu diadakan segera sebuah Dasar Perpaduan Kebangsaan yang mengisi semangat segala dasar kebangsaan dan menjadi sumber rujukan pelaksanaan strategi perpaduan. Jabatan Perpaduan Negara harus diberi peranan dan tanggungjawab yang utama dari segi pengurusan, penyelarasian, dan rujukan perancangan program. Fungsi, struktur organisasi, strategi, dan pengarahan kerjanya jika perlu harus dikaji semula.

- (b) Melahirkan sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu, semangat dan aspirasi Perlembagaan negara perlu dihayati secara sedar dan insaf oleh setiap peringkat dan lapisan masyarakat. Pendidikan sekolah, sekurang-kurangnya bermula dari menengah atas patut memberi kepada pelajar pendedahan tentangnya. Perlembagaan Negara sewajarnya dijadikan kurikulum pendidikan di peringkat menengah dan prauniversiti. Pendidikan di semua peringkat merupakan saluran terpenting pemupukan kebudayaan dan kesedaran perpaduan, maka program kurikulum dan kokurikulum harus dirancangkan bagi mencapai kedua-dua matlamat tersebut.
- (c) Melaksanakan program gerakan kesedaran perpaduan sebagai salah satu aktiviti rakyat. Organisasi rasmi atau tidak rasmi hendaklah memainkan peranan dalam mengurangkan penonjolan tradisi budaya kaum di peringkat rasmi, tetapi mengutamakan kehidupan kebangsaan lebih jauh mengatasi kehidupan kaum atau kesukuan.
- (d) Memupukan nilai kebudayaan yang banyak dipengaruhi oleh media massa. Polisi *laissez faire* dalam kebudayaan tidak sesuai bagi negara kita kerana meskipun ada anggapan bahawa persoalan kebudayaan terserah sepenuhnya kepada rakyat, kerajaan masih perlu mengawal unsur yang tidak sesuai dengan keperibadian bangsa. Pengaruh sebaran am melalui media cetak dan media elektronik, seperti filem, radio, televisyen, akhbar, dan majalah senang sekali mempengaruhi nilai hidup, tingkah laku, budi bahasa, dan adat resam rakyat. Kita harus tahu menolak unsur negatif yang antiperpaduan dan antiprogram

kebudayaan rakyat. Polarisasi budaya wujud apabila terpisah nilai kebudayaan yang sama. Nilai itu juga kadangkala berlaku dalam masyarakat atau kaum yang sama, dipisahkan oleh pengaruh yang begitu dominan dalam bidang ekonomi, pendidikan, pekerjaan, dan persekitaran. Nilai tradisional luar bandar dan nilai bukan tradisional di kota boleh menimbulkan konflik baru.

- (e) Membangunkan sebuah negara yang jauh lebih murni cita-citanya daripada mana-mana gerakan sosial atau politik yang mengutamakan kepentingan masyarakat atau kaum masing-masing. Kesedaran perlu ada di kalangan kepimpinan bahawa perpaduan negara bermula melalui teladan pemimpin. Isu sensitif harus dielakkan dan dasar negara perlu dijelaskan dari segi konsep dan matlamatnya. Kesedaran kenegaraan dan kebangsaan harus dipupuk sebagai sebahagian daripada program kebudayaan kebangsaan. Perspektif kebudayaan di kalangan rakyat haruslah diperjelas dan program pengembangan kebudayaan ditafsir secara luas dan tidak terhad.

Malaysia mempunyai keunikan yang tersendiri. Sebagai warga negara, kita boleh memilih dan diberi kebebasan, kebebasan diri, kebebasan bercakap, berhimpun, dan menukuhan persatuan, kebebasan agama dan hak asasi. Seorang teman yang “masuk Melayu” mengesyorkan, mengapa tidak semua orang menjadi Melayu atau kahwin campur? Sejarah telah membuktikannya dan kita telah pun melalui peristiwa demi peristiwa, walaupun sifatnya kecil. Pada beliau, dengan cara ini perpaduan dapat diwujudkan dengan lebih cepat dan erat. Kita tetap boleh membangunkan

sebuah bangsa Malaysia yang bersepada andainya Perlembagaan Negara dan dasar yang sedia ada dilaksanakan dengan sempurna dan tegas. Bagaimanapun, berasaskan kebebasan tadi, kita boleh memilih. Pertama, kita boleh terus kekal dengan asal keturunan kaum atau suku bangsa kita, beramal dengan agama dan adat resam kita sendiri. Sebagai warganegara kita perlu menumpukan taat setia pada negara. Kedua, kita juga boleh memilih beragama Islam (tiada paksaan dalam beragama), terus mengamalkan adat resam, bahasa, dan kebudayaan sendiri. Islam tidak membezakan kita yang seagama, walaupun berlainan kaum.

Ketiga, kita boleh mengamalkan budaya dan adat resam tempatan atau berbudaya Melayu tanpa menganut Islam, umpamanya yang terjadi kepada kelompok keturunan Cina (Baba) atau India. Keempat, hal yang paling unik dan istimewa di Malaysia, bahawa sesiapa sahaja boleh menjadi Melayu. Peruntukan Perlembagaan tidak menyifatkan Melayu sebagai keturunan etnik tertentu tetapi berasaskan agama dan kebudayaan. Melayu ditafsirkan sebagai seseorang yang beragama Islam, lazimnya bercakap bahasa Melayu dan mengamalkan adat resam Melayu. Syaratnya, syarat agama dan kebudayaan. Maknanya sesiapa juga yang menjadi Melayu atau berstatus Melayu dan bumiputra berhak menikmati faedah Perlembagaan.

Dalam pengertian budaya, persoalan perpaduan di kalangan mereka tidak timbul lagi kerana atas kesatuan yang ada. Melayu, diikat oleh rasa Melayu dan minda Melayu, setelah agama dan budaya diamalkan. Proses ini juga memperlihatkan penggolongan bangsa serumpun Melayu kerana agama dan budaya mereka yang sama, walaupun mungkin mereka daripada keturunan suku bangsa Jawa, Minang, Aceh, Bugis, atau Banjar.

Pemupukan kebudayaan dan pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang berkesan dan menyeluruh memerlukan usaha yang bersepadu antara semua pihak yang mempunyai tanggungjawab kebudayaan. Penglibatan secara penerimaan dan penyertaan semua peringkat dan lapisan masyarakat tanpa mengira kaum, agama, dan latar belakang kebudayaan masing-masing amatlah perlu. Bidang kebudayaan yang luas itu juga memerlukan pemeriksaan peranan dan fungsi agensi supaya penyelarasian tindakan dapat dilakukan.

Peranan dan sumbangan pihak swasta dan organisasi bukan kerajaan (NGO) juga kian penting, terutama tentang perkara yang menyentuh kesenian khususnya melahirkan pengolahan dan menggiatkan program yang sesuai dengan dasar yang ditetapkan. Kebudayaan juga amat penting dalam mengikat seluruh rakyat ke dalam ikatan satu bangsa dan satu negara, diikat oleh nilai umum sehingga mereka berasa dan memikirkan telah lahir keperibadian dan masyarakat kebangsaan yang dikenali sebagai bangsa Malaysia. Kebudayaan adalah pegangan dan amalan semua dan perpaduan kebangsaan boleh diwujudkan melalui persamaan di kalangan kita dan mengamalkan perbezaan budaya di peringkat sendiri. Dalam konteks Malaysia yang rakyatnya terdiri daripada berbagai-bagai kaum dan keturunan, kebudayaan kadangkala sensitif dan berwarna politik. Dasar, matlamat, dan strategi yang jelas akan mengarah kepada pemupukan, pengembangan, dan pertumbuhan kebudayaan yang akan mendorong proses pemasyarakatan, pembudayaan, dan perpaduan kebangsaan.